

30 OCT 2001

Sukan-Skuasy (Terbuka)

TERBUKA LELAKI DITERUSKAN, TERBUKA WANITA BATAL

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kejohanan Skuasy Terbuka Lelaki Malaysia yang sebelum ini ditangguhkan sehingga tahun depan, akan diteruskan manakala Terbuka Wanita dibatalkan.

Pengarah Eksekutif Persatuan Reket Skuasy Malaysia (SRAM) Lt Kol (B) Wong Ah Jit berkata persatuan berusaha keras untuk mencari penaja bagi acara itu yang dijadualkan berlangsung dari 9 hingga 15 Dis.

"Pengerusi Projek 2006, Datuk Mokhzani Mahathir sedang berusaha keras untuk mencari penaja bagi menganjurkan Terbuka Lelaki Malaysia tahun ini. Kami akan memaklumkan maklumat akhir pada Jumaat," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Wong berkata kira-kira RM120,000 diperlukan bagi menganjurkan acara itu, yang akan menarik beberapa pemain terkemuka dunia, termasuk pemain terbaik Malaysia yang juga pemain nombor 10 dunia, Ong Beng Hee.

"Beng Hee akan mempertahankan kejuarannya. Kita tidak melihatnya beraksi di negara sendiri hampir-hampir setahun dan kejohanan ini merupakan peluang terbaik bagi peminat tempatan untuk menyokong beliau," katanya.

Wong berkata jika semuanya berjalan lancar, pusingan awal akan diadakan di Pusat Skuasy Majlis Sukan Negara di Jalan Duta manakala peringkat suku akhir dan seterusnya akan diadakan di Pusat Skuasy Nasional di Bukit Jalil.

"Acara ini merupakan kejohanan besar bagi kami. Kami berpendapat dengan memindahkan kejohanan ke Bukit Jalil akan memberi peluang kepada peminat untuk menyaksikan bintang-bintang skuasy beraksi dalam persekitaran yang lebih selesa," katanya.

Disember lepas, Beng Hee menjadi pemain Malaysia pertama yang memenangi Terbuka Malaysia selepas menewaskan John Williams dari Australia pada perlawanan akhir.

Awal bulan ini, SRAM berkata kejohanan itu mungkin akan ditunda sehingga ke tahun depan berikutan keadaan ekonomi selain serangan Amerika di Afghanistan.

Sementara itu, kejohanan Terbuka Wanita terpaksa dibatalkan memandangkan pemain utama Malaysia Nicol David tidak akan mengambil bahagian kerana menjalani latihan di Amsterdam.

"Jika pemain utama kita tidak dapat beraksi, tidak perlulah kita menganjurkan kejohanan itu. Lagipun, Terbuka Lelaki lebih menarik untuk peminat," katanya.

Kejohanan Terbuka Wanita sebelum ini dijadualkan berlangsung dari 29 Nov hingga 2 Dis.

-- BERNAMA

HRS AHH LAT